

07/07/1999

Nik Aziz buat kenyataan emosi

KOTA BHARU, Selasa - Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat diminta mengamalkan politik sihat kerana sebagai seorang yang bergelar ulama, kenyataannya boleh mempengaruhi masyarakat.

Setiausaha Barisan Nasional Kelantan Datuk Mohamed Ariffin Abdul Hamid berkata Nik Aziz yang juga Murshid Am Pas sewajarnya tidak membuat kenyataan berdasarkan emosinya.

"Dakwaannya bahawa Umno mempunyai ciri-ciri kafir boleh menyebabkan penyokong Umno tersinggung dan masyarakat Islam terkeliru," katanya kepada Bernama di sini hari ini sebagai mengulas dakwaan Nik Aziz kononnya Umno mempunyai ciri-ciri kafir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan dakwaan Nik Aziz itu sebagai fitnah.

Mohd Ariffin yang juga Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa berkata kenyataan Nik Aziz itu menunjukkan pemimpin PAS itu tidak mempunyai pegangan teguh hingga sanggup mengeluarkan kenyataan berbeza bagi kepentingan politik Pas.

"Sebelum ini Nik Aziz pernah memuji Perdana Menteri sebagai pemimpin yang baik tetapi menjelang pilihan raya nada dan kenyataan beliau amat berbeza," katanya.

Mohamed Ariffin juga berkata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah tidak seharusnya menyahut cabaran Naib Presiden PAS Mustafa Ali untuk berdebat mengenai isu pemberian kerusi Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada Parti Melayu Semangat 46 selepas pilihan raya umum 1990.

(END)